

SV
SUARA SARAWAK
Bukan Sekadar Akhbar
• PRAKAS/2019 (23047)

• Teli: 082-647376/ 649527
• Faks: 082-647374
• e-mel: news@suarasarawak.my
• Laman sesawang:
www.suarasarawak.my

• Lot 14096 (S1, 121) Section 66, Kuching Town Land District 140, University's Commercial Precinct, Jalan Matang, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak

SIDANG REDAKSI

Editor Eksekutif
ROHANA WAHED
rohana.w@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG ROSLI AWANG JAYA
rosliaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG SHAHFERI AWANG ADENI
ashahferi@suarasarawak.my

Editor Kanan Berita
RADIN AZHAR AHMAD
radinazhar@suarasarawak.my

Editor
DRAMAN BAHARON
draman@suarasarawak.my

Editor Rual
ALVESTER BIGOL SULANG
alvesterbigol@suarasarawak.my

Subeditor Berita
CHRISTINA LIAN
christinalucian@suarasarawak.my

Subeditor Inspirasi
MOHD HAZIQ AMALUDDIN
haziqamal92@suarasarawak.my

Subeditor Global
S. CONNIE PEARL SUIL
pearl@suarasarawak.my

Subeditor Rual
LINA KUNJAK
linakunjak@suarasarawak.my

Ketua Pemberita
NICK FLETCHER
fletcher19@suarasarawak.my

Ketua Grafik
NGUMBANG RANGGA
ngumbang86@gmail.com

Diterbitkan oleh
SV News Sdn. Bhd., Lot 2885 Block 3,
Mini Concession Land District,
98000 Miri, Sarawak.

Dicetak oleh
UBP Printing Sdn Bhd, Lot 2042,
Section 56, Pending
Industrial Estate, KTLD, Jalan Tenaga,
93100 Kuching, Sarawak.

Beradaptasi dalam persekitaran hibrid

“ Kita perlu beradaptasi dengan kesedaran bahawa evolusi digital yang berlaku membawa perubahan kepada gaya kerja juga gaya fikir masyarakat untuk kobaikan pada masa akan datang.



Minggu ini sesi persekolahan kembali bermula. Menangani situasi persekolahan dalam fasa pasca pandemik ini, satu pembaharuan yang diperkenalkan adalah sistem penggiliran kelas fizikal dan kelas maya. Sesi kehadiran pelajar di setiap kelas dibahagikan kepada dua kumpulan, mengikut minggu penggiliran yang telah ditetapkan.

Pendekatan ini dilihat mengambil solusi jalan tengah dengan hanya separuh daripada bilangan pelajar berada di dalam kelas secara fizikal. Manakala, separuh lagi belajar di rumah dengan nota-nota dan tugasan yang dikongsi melalui medium *Google Classroom*, rujukan video *Youtube*, dan input pembelajaran lain yang disediakan.

Sistem baharu yang diperkenalkan ini diambil bagi mengatasi masalah keciciran pembelajaran yang timbul, apabila murid-murid sekolah tidak dapat meneroka pembelajaran secara di atas talian dengan sepenuhnya. Ada yang disebabkan oleh kekurangan data capaian Internet, kekurangan gajet dan fasiliti cetakan, ruang pembelajaran yang

kondusif, dan pelbagai masalah lain.

Juga tidak boleh dipandang remeh, selangun pelajar amat memerlukan bimbingan berfokus dalam membantu mereka untuk menguasai pembelajaran terutamanya di peringkat awal. Dalam meneroka potensi kecenderungan dan pengetahuan anak-anak di usia yang masih muda, tahap kefahaman mereka agak sukar dipastikan berdasarkan respon positif dan negatif masih samar-samar.

Lebih-lebih lagi, dalam membentuk pemahaman abstrak berifat konseptual, prosesnya agak panjang dan bukanlah berifat *one-off*. Di sinilah, kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan besar dan perlu diaplikasi dengan pelbagai kaedah, interaktif pembelajaran secara talian mungkin tidak mencakupi spektrum pemerhatian dan penerokaan pengetahuan yang pelbagai mengikut kapasiti kemampuan, kecenderungan dan pendedahan seseorang kanak-kanak.

Ada baiknya sistem penggiliran kelas yang dilihat sebagai solusi jangka pendek fasa pandemik dalam adaptasi keperluan pembelajaran generasi kini. Selain meminimalkan kesesakan di sekolah dari kapasiti maksima, fokus pengajaran terhadap pelajar dapat dipertingkatkan pada satu-satu masa.

Melihat dari sudut pembaharuan, kita sebenarnya telah meninggalkan era pembelajaran konvensional tanpa disedari. Sememangnya, kita sedang berevolusi dalam era digital yang serba mudah di hujung jari. Sewaktu di bangku

persekolahan dulu, penulis membayangkan komputer dan teknologi digital digunakan secara berasingan dengan kerja-kerja dan kehidupan seharian. Namun hari ini, kita boleh congak sendiri berapa perubahan masa kita gunakan di atas platform digital selepas menoleh masa tidur? 50 peratus, 80 peratus atau lebih? Anda boleh jawab sendiri.

Dalam sudut pemerhatian jangka panjang, kita perlu mempersiapkan generasi baharu kemampuan yang berpadanan dengan ketamadunan digital.

Penulis melihat langkah pembelajaran hibrid ini sebagai suatu langkah percubaan yang optimis. Di mana, pendedahan yang diberi kepada anak-anak generasi baharu pasca pandemik ini adalah erti keseimbangan.

Ada masa kita bertemu di dunia maya, ada waktunya kita bertemu secara realiti. Keseimbangan ini membawa pengertian yang besar kepada pendedahan seterusnya di dunia sebenar apabila mereka menginjak ke usia dewasa.

Di dunia sebenar, kita juga harus menyeimbangkan dunia realiti dan dunia maya yang berada di hadapan kita 24 jam sehari tanpa rehat. Malah, keseimbangan identiti serta aktiviti juga perlu diselaraskan bagi memastikan keduanya teratur, tiada konflik juga tidak bercampur.

Benar, keluasan dan kepelbagaian sumber digital memberi kelebihan pada perkembangan pengetahuan. Namun, terdapat banyak aspek juga dari sudut pembelajaran dan pembentukan diri yang akan dirasai melalui pergaulan sebenar bersama guru dan rakan-rakan. Keterujaan, diplomasi, empati, disiplin, kesabaran dan kepatuhan semuanya lebih berkesan dipelajari

secara berhadapan. Samalah halnya dengan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi yang juga mula menggunakan pendekatan hibrid. Perkembangan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya, tetapi pembentukan kapasiti diri seseorang mahasiswa juga perlu dikembangkan sebakinya.

Begitu juga dengan alam pekerjaan. Kemahiran komunikasi misalnya, tidak hanya dilihat dari segi interaksi di tempat kerja dan tatacara pergaulan seharian. Kebolehan, kebijaksanaan dan adab dalam mengatur kerja dan komunikasi secara digital juga perlu ditekankan. Inilah yang dikatakan persekitaran hibrid.

Dari aspek pengurusan pencapaian misalnya, perubahan kriteria kerja akan berubah mengikut kesesuaian persekitaran digital dan keseimbangan hibrid. Begitu juga dengan evolusi dalam cabang-cabang pelaksanaan pengorganisasian, pemadanan sumber dan pengurusan operasi.

Dalam antipaksi mengikut model persekitaran hibrid, organisasi memberi ruang yang lebih fleksibel kepada ahlinya untuk berkarya, berkeaktiviti, dan produktif. Prestasi dilihat dari segi produktiviti dan mutu output kerja seseorang. Bukan pada berada di tempat kerja, lebih-lebih lagi jika keberadaan fizikal hanya sekadar pada rekod kedatangan yang tidak disertakan dengan penghasilan output kerja yang jelas dan elok mutunya.

Akhir kata, kita perlu beradaptasi dengan kesedaran bahawa evolusi digital yang berlaku membawa perubahan kepada gaya kerja juga gaya fikir masyarakat untuk kobaikan pada masa akan datang.

Jika kita masih mengekalkan cara berfikir yang tidak berkembang seiring perubahan digital yang diguna pakai pada masa sekarang, kita akan jadi seperti katak di bawah tempurung yang akan ketinggalan jauh dari segi motivasi, produktiviti dan inovasi.

* Dr Aila Latif ialah pensyarah kanan dalam bidang pengurusan di Falkulti Ekonomi dan Perniagaan Unimas



SISTEM penggiliran kelas yang dilihat sebagai penyelesaian jangka pendek fasa pandemik dalam adaptasi keperluan pembelajaran generasi kini.